

30/09/2003

Dana CIP bantu komersialkan idea ICT

Abdul Halim Yusoff

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan Cradle Investment Programme (CIP), dana praawal pertama di Malaysia bagi membantu membangunkan idea asal ke tahap komersial.

Program pembiayaan praawal itu menyediakan geran bersyarat sehingga RM50,000 kepada usahawan baru yang mengetengahkan idea inovatif dan berpotensi.

Ia akan memberi tumpuan kepada bidang berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan sektor termasuk perisian dan perkhidmatan maklumat, elektronik serta bioteknologi.

Dr Mahathir berkata, kerajaan berminat menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan berpotensi bagi menolong merealisasikan wawasan perniagaan mereka.

"Kerajaan berminat membantu mereka ini dengan menyediakan wang, tetapi mereka tidak boleh menganggap kerajaan tidak bimbang sama ada mereka akan kehilangan wang atau tidak.

"Selalunya, kerajaan sangat berhati-hati dalam menyalurkan wang," katanya ketika berucap merasmikan program CIP di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam.

CIP adalah inisiatif yang dibangunkan kerajaan di bawah naungan Kementerian Kewangan dan diuruskan oleh Malaysian Venture Capital Management Bhd (Mavcap).

Mavcap ialah pemodal teroka yang ditubuhkan kerajaan untuk melabur dan memupuk serta membangunkan sektor teknologi dan pasaran modal teroka di Malaysia.

Kementerian Kewangan memperuntukkan dana RM100 juta dalam program CIP untuk membantu individu menggerakkan idea asal mereka dengan menyediakan geran serta sokongan teknikal.

Dr Mahathir berkata, usahawan muda tidak seharusnya dihalang jika menghadapi kesukaran mendapatkan pembiayaan untuk menyokong idea perniagaan mereka.

"Ada idea yang mungkin memberikan hasil dan ada yang mungkin tidak namun pemodal teroka perlu memberikan sokongan serta bantuan yang secukupnya kepada usahawan ini.

"Sementara itu, usahawan perlu mempunyai dana tertentu bagi membantu menyokong idea mereka sendiri yang akan menjadikan mereka lebih bermotivasi meneruskannya," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan turut memuji pemodal teroka yang bersedia mengambil risiko melabur, walaupun mengetahui daripada 20 idea mungkin hanya satu yang berjaya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir kemudiannya menyampaikan geran berjumlah RM1 juta kepada 20 usahawan perintis di bawah CIP yang dikendalikan Mavcap.

Hadir sama pada majlis itu, Pengerusi Mavcap, Datuk Dr Abdul Samad Alias dan Ketua Eksekutif Mavcap, Mohd Azwar Mahmud.

Abdul Samad berkata, 20 usahawan terpilih akan dipadankan dengan mereka yang berpengalaman dalam perniagaan di bawah skim mentor, supaya idea baru itu dapat dijadikan projek berdaya maju.

Sehingga kini, CIP mempunyai lebih 70 profesional berpengalaman dalam perniagaan dan usahawan yang bersedia menyumbang kepada program terbabit.

Sejak permulaannya pada Julai tahun ini, Mavcap sudah menerima lebih daripada 1,200 permohonan dengan pelbagai idea tulen yang berpotensi

dibangunkan.

Katanya, CIP dijangka membiayai antara 300 hingga 500 idea menjelang akhir tahun ini dan mereka yang mempunyai idea baru boleh menghantar permohonan ke laman web, [www.cradle.com.my](http://www.cradle.com.my) sebelum 15 Oktober ini.

(END)